

Kegagalan Himpunan Oren beri tamparan kepada pembangkang - Shafie Apdal
Utusan Online
16 Julai, 2012

PARIT 15 Julai - Kegagalan Himpunan Oren mendapat sambutan daripada peneroka Felda secara tidak langsung memberi tamparan yang cukup hebat kepada pakatan pembangkang.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, perhimpunan anjuran Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) yang didalangi pembangkang tidak mendapat sokongan kerana peneroka sedar ia cuma menyusahkan rakyat.

"Mereka ketandusan sokongan dan mengadakan demonstrasi. Yang mendapat nikmat penyenaiaan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) adalah peneroka.

"Pihak yang membantah dan tidak berpuas hati hanya parti pembangkang kerana mereka tahu rakyat telah berpuas hati dengan tindakan tepat kerajaan itu," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata demikian selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Parit, di sini hari ini.

Menurut Mohd. Shafie, pembangkang akan terus mempolitikkan usaha-usaha kerajaan walaupun ia memberikan manfaat kepada semua rakyat termasuk penyokong pembangkang sendiri.

"Sama seperti isu lain, mereka politikkan termasuk agama. Yang baik diburukkan, yang senang sengaja disusahkan," katanya.

Terdahulu, semasa merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Ipoh Timor di Ipoh, beliau berkata, UMNO bukan sebuah parti perkauman sempit dan ekstremis walaupun perjuangannya berlandaskan Melayu dan Islam.

Beliau berkata, ia berbeza dengan parti pembangkang yang mempolitikkan agama dan mengamalkan politik perkauman sempit.

"UMNO tidak mempolitikkan agama. Apabila negara merdeka, UMNO menggunakan kuasa untuk meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara tetapi kita tidak bersifat taksab.

"Walaupun Islam agama rasmi, agama lain seperti Kristian, Hindu dan Buddha bebas diamalkan. Kita juga membantu membina masjid. Kuil, gereja dan sekolah-sekolah Cina dan Tamil pun kita bantu," katanya.

Dalam masa sama, kata Mohd. Shafie, kerajaan memberikan peruntukan besar untuk perayaan dan kebudayaan semua kaum di negara ini.

Beliau berkata, keadaan seperti itu tidak berlaku di negara-negara lain termasuk Singapura, China, India malah, di Amerika Syarikat (AS) sendiri yang kononnya demokratik dan liberal.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120716/dn_05/Kegagalan-Himpunan-Oren-beri-tamparan-kepada-pembangkang---Shafie-Apdal